

PENHIJRAHAN MASYARAKAT MELAYU KE KERIAN, PERAK (1816–1873)

THE MALAY MIGRATION TO KERIAN, PERAK (1816–1873)

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif

Independent researcher, Jelutong, Pulau Pinang, MALAYSIA

Email: sitinoorhafizah0807@gmail.com

Published online: 30 October 2020

To cite this article: Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2020. Penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak (1816–1873). *Kajian Malaysia* 38(2): 139–160. <https://doi.org/10.21315/km2020.38.2.6>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2020.38.2.6>

ABSTRACT

This article discusses the migration of the Malays to Kerian, Perak from 1816 until 1873. The migration of the Malays from Malay states in general and in Perak specifically before the British colonisation in 1874, has never been discussed in detail in any publications on migration as the main subject. Instead, the existing writings on the Malays' migration of Peninsular Malay states date their discussions back to the British colonial intervention in 1874. Lack of resources is the main factor impeding more discussions of the topic research on the migration still needs to be done to fill in the gaps in scholarship on the migration among Malays in the Peninsula. In addition, the existing writings on migration in the Peninsular Malay states focus on the migration of the Chinese and Indian migrants as well as the migration of the Malays from the islands of the Dutch Indies (now known as the Indonesian Archipelago). This helps raise questions on the existence as well as importance of the internal Malay migration in the Peninsula. This article finds that, the internal migration of the Malays which refers to the migration from Kedah, Seberang Perai and Pulau Pinang beginning from 1816 was very significant in the emergence of Kerian as an important paddy cultivation district to the Perak administration as direct British colonisation of Perak in 1874 approached. The primary sources used in writing this article are the records of the British administrators in the Straits Settlements and The Burney Papers.

Keywords: Malay migration, Kerian, before colonisation

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak bermula pada tahun 1816 hingga 1873. Penghijrahan masyarakat Melayu di negeri-negeri Melayu umumnya dan Perak khususnya sebelum penjajahan British pada tahun 1874 tidak pernah dibincangkan secara terperinci dalam mana-mana penulisan yang menjadikan aspek penghijrahan sebagai tema utama perbincangan. Sebaliknya, penulisan-penulisan sedia ada berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu tertumpu kepada latar masa setelah berlakunya campur tangan British iaitu selepas tahun 1874. Masalah sumber merupakan faktor utama yang menyebabkan aspek penghijrahan sebelum penjajahan kurang dibincangkan. Walaupun menyedari akan kewujudan masalah sumber, perbincangan berkenaan penghijrahan sebelum penjajahan ini masih perlu dilakukan bagi mengisi kelompangan yang ada dalam penulisan berkaitan penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Tambahan pula, penulisan sedia ada berkenaan penghijrahan di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dan masyarakat Melayu menumpukan perbincangan kepada penghijrah bangsa asing iaitu Cina dan India serta penghijrahan masyarakat Melayu dari luar negeri-negeri Melayu terutamanya dari Kepulauan Hindia Belanda (Kepulauan Indonesia sekarang). Hal ini menimbulkan persoalan akan kewujudan serta kepentingan penghijrahan dalaman masyarakat Melayu iaitu dari negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu sendiri di Semenanjung Tanah Melayu. Artikel berkenaan penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak ini mendapati bahawa penghijrahan dalaman masyarakat Melayu iaitu penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang yang bermula sejak tahun 1816 sangat signifikan dalam kemunculan Kerian sebagai daerah penanaman padi yang penting kepada pentadbiran Perak menjelang berlakunya penjajahan British secara langsung ke atas Perak pada tahun 1874. Sumber primer yang dirujuk bagi penulisan artikel ini adalah daripada catatan-catatan pentadbir British di Negeri-Negeri Selat dan The Burney Papers.

Kata kunci: penghijrahan Melayu, Kerian, sebelum penjajahan

PENDAHULUAN

Penghijrahan merupakan isu dan aspek yang amat penting dalam penulisan sejarah sesebuah masyarakat dan negara. Hal ini kerana kewujudan dan perkembangan yang berlaku dalam sesebuah negara dan masyarakat itu mempunyai kaitan yang amat rapat dengan aspek penghijrahan. Pergerakan manusia sejak dari zaman batu lagi bukan sahaja mempengaruhi landskap dan ruangannya sesebuah negara, tetapi

juga turut mempengaruhi aspek jati diri, perubahan sosial dan pembangunan ekonomi serta organisasi politik negara tersebut (Sinha dan Md. Ataulloh 1987, vii; Lewis 1982, 3). Masyarakat Melayu di Alam Melayu juga tidak terkecuali kerana penghijrahan bukanlah suatu perkara yang asing dalam kalangan masyarakat Melayu. Bahkan, sebelum berlakunya penghijrahan masuk masyarakat India, Parsi, Arab, Cina dan kemudiannya Eropah, wilayah-wilayah di Asia Tenggara sudah pun mempunyai tradisi penghijrahan yang tersendiri walaupun terdiri daripada banyak kerajaan dan kumpulan etnik (Wang 2011, 29–30). Maka, penghijrahan dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara amnya, dan masyarakat Melayu khususnya bukanlah suatu fenomena baharu. Sebaliknya, penghijrahan merupakan suatu proses yang sentiasa akan berlaku lantaran pelbagai faktor sesuai dengan keadaan semasa dan peredaran masa.¹

Namun, penghijrahan dalam kalangan Melayu ini terutamanya sebelum penjajahan jarang diberi perhatian oleh mana-mana pengkaji yang membincangkan berkenaan penghijrahan di Tanah Melayu. Sebaliknya, penulisan sedia ada berkenaan penghijrahan masyarakat Melayu di Tanah Melayu memfokuskan perbincangan kepada tempoh masa selepas berlakunya campur tangan asing iaitu selepas kemasukan British. Hal ini menjadikan penghijrahan asing khususnya masyarakat Cina dan India lebih signifikan dalam perbincangan berkaitan penghijrahan sedia ada. Bahkan penulisan berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu juga terhad kepada penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari luar Semenanjung Tanah Melayu khususnya dari Kepulauan Hindia Belanda (Kepulauan Indonesia).

Para sarjana Barat umpamanya seperti Jackson (1961) menekankan kepentingan kemasukan penghijrah-penghijrah dari luar Semenanjung Tanah Melayu terutamanya penghijrah asing (Cina dan India) yang bekerja sebagai buruh sama ada di lombong-lombong dan ladang-ladang milik kapitalis Cina dan Eropah. Kemasukan penghijrah Melayu dari luar Semenanjung Tanah Melayu (masyarakat Jawa) yang bekerja sebagai buruh turut dibincangkan dalam penulisannya.² Menurut beliau, kepentingan kemasukan penghijrah untuk bekerja sebagai buruh bagi memenuhi keperluan sektor kapitalis ini bermula di Negeri-Negeri Selat dan kemudiannya berkembang pula ke negeri-negeri Melayu. Vlieland (1934) juga, seperti mana Jackson (1961) membincangkan berkenaan kepentingan penghijrah asing (Cina dan India) bagi memenuhi keperluan buruh yang semakin meningkat di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu. Penghijrahan masyarakat Melayu dari Kepulauan Indonesia iaitu dari Kepulauan Jawa dan Kepulauan Sumatera turut diselitkan dalam penulisannya (Vlieland 1934, 63–65). Namun, disebabkan penulisan-penulisan oleh Jackson dan Vlieland memfokuskan perbincangan berkaitan penghijrahan bagi memenuhi keperluan buruh untuk bekerja di lombong-lombong dan ladang-ladang, maka kemasukan dan peranan penghijrah asing (Cina dan India) dilihat jauh lebih signifikan semasa


berlakunya penjajahan barat di Semenanjung Tanah Melayu terutama dari segi jumlah dan peranan yang dimainkan dalam ekonomi semasa penjajahan British.

Menyedari akan penulisan berkaitan penghijrahan semasa penjajahan ini yang hanya mementingkan peranan penghijrah Cina dan India, terdapat para sarjana tempatan yang membincangkan secara khusus penghijrahan masyarakat Melayu bagi membuktikan kewujudan dan kepentingan penghijrahan dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu semasa penjajahan British. Misalnya, Khazin (1987) dalam penulisannya telah membincangkan penghijrahan dan penempatan masyarakat Melayu Jawa di Selangor semasa penjajahan British. Penulisan beliau membuktikan bahawa penghijrahan masyarakat Melayu memainkan peranan dan sumbangan yang tidak kurang pentingnya dalam pembangunan tanah dan ekonomi semasa penjajahan British di Tanah Melayu. Selain daripada Khazin, Tunku Shamsul Bahrin (1967) dalam penulisannya yang berjudul *The Growth and Distribution of the Indonesian Population in Malaya* merupakan sarjana terawal tempatan yang membincangkan penghijrahan masyarakat Melayu semasa penjajahan. Beliau menghujahkan bahawa peningkatan mendadak dalam pertumbuhan populasi masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya selepas tahun 1911 disumbangkan oleh kemasukan penghijrah Melayu dari Kepulauan Indonesia ekoran perkembangan industri getah dan bantuan kerajaan penjajah British di Tanah Melayu dalam sektor penanaman padi.

Sememangnya penulisan oleh kedua-dua sarjana ini memberi perspektif baharu berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Namun, dapat dilihat bahawa penulisan berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu oleh sarjana tempatan ini pula hanya membincangkan penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari luar Semenanjung Tanah Melayu iaitu dari Kepulauan Indonesia sahaja. Justeru, bagi mengisi kelompangan yang wujud dalam penulisan sedia ada berkaitan penghijrahan Melayu di Tanah Melayu, perbincangan penulisan ini tertumpu kepada penghijrahan dalaman yang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu sendiri iaitu penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang ke daerah Kerian yang terletak di Perak. Oleh sebab penulisan-penulisan berkaitan penghijrahan di Semenanjung Tanah Melayu sedia ada hanya menghadkan latar masa perbincangan kepada semasa penjajahan sahaja, maka perbincangan penghijrahan dalam kalangan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ini secara khususnya menjadikan latar masa sebelum penjajahan British (1816–1873) di Tanah Melayu sebagai fokus utama penulisan ini.

KERIAN: DAERAH TERPENCIL DI PERAK

Kerian yang merupakan fokus utama penulisan ini merupakan sebuah daerah yang terletak di utara Perak (lihat Rajah 1).



Petunjuk:



Kawasan kajian (Kerian)



Merujuk kepada Sungai Perak (sungai utama atau *focal point* Kerajaan Melayu Tradisional Perak, menganjur dari Hulu ke Hilir Perak)

Rajah 1: Daerah-daerah di Perak*

Sumber: Diubah suai daripada Map of Perak, Arkib Negara Malaysia.

Nota: *Tahun tidak dinyatakan.

Berdasarkan Rajah 1, Kerian merupakan sebuah daerah yang berjiran dengan Seberang Perai dan Kedah. Kedudukannya juga adalah di luar Sungai Perak iaitu sebuah sungai utama di Perak yang merupakan tumpuan utama Kerajaan Melayu Perak. Walaupun sering berubah kedudukan pusat pemerintahan bagi Kerajaan Kesultanan Perak mengikut pilihan setiap Sultan Perak, namun kedudukannya masih lagi terletak berhampiran dengan Sungai Perak.³ Berdasarkan Rajah 1 juga

dapat dilihat hampir kesemua daerah utama di Perak terletak menyusuri Sungai Perak misalnya Perak Atas (Hulu Perak), Kuala Kangsar, Perak Bawah (Hilir Perak) dan Kinta. Kinta walaupun terletak jauh dari Sungai Perak, Sungai Kinta yang membentuk daerah Kinta berpunca daripada Sungai Perak. Manakala kedudukan Kerian pula seperti daerah Larut, Matang, Selama dan Dinding pula terletak berhampiran dengan sungai-sungai yang di luar lingkungan Sungai Perak. Daerah-daerah yang dinyatakan ini terletak berhampiran dengan Sungai Kerian, Sungai Kurau, Sungai Gula, Sungai Kalumpang, Sungai Selinsing, Sungai Sangga Besar, Sungai Sepetang, Sungai Larut, Sungai Trong, Sungai Jarum Mas, Sungai Beruas dan Sungai Dinding. Daerah-daerah yang terletak di luar lingkungan Sungai Perak ini termasuk Kerian dikatakan hanya dihuni tidak sampai 1,000 orang penduduk pada awal kurun ke-19 (Anderson 1965, 174–179). Manakala sebelum kurun ke-19 pula Kerian dikatakan masih lagi tidak berpenghuni (Wilkinson 1971, 89).

Walaupun jumlah populasi penduduknya tidak ramai dan mungkin sahaja tidak berpenghuni sebelum kurun ke-19, Kerian merupakan sebuah daerah yang sangat sesuai dan subur untuk aktiviti pertanian khususnya penanaman padi sawah. Hal ini kerana, kedudukan Kerian terletak berhampiran dengan lembah-lembah sungai (antara sungai utama adalah Sungai Kurau dan Sungai Kerian) dan jenis tanahnya pula terdiri daripada jenis aluvium. Bentuk muka buminya juga mendatar sahaja kerana kedudukannya yang terletak di lembah-lembah sungai tersebut. Bahkan keperluan air juga mudah diperoleh kerana kedudukan daerah ini yang terletak berhampiran dengan lembah-lembah sungai (Dobby 1982, 107; Jackson 1968, 155; Lim 1976, 49). Namun, kedudukan daerah ini yang jauh terpencil kerana jauh dari tumpuan utama Perak menjadikan daerah ini tidak dimanfaatkan untuk kegiatan pertanian khususnya penanaman padi. Daerah Kerian dimanfaatkan untuk kegiatan pertanian khususnya penanaman padi hanya berlaku selepas kemasukan beramai-ramai masyarakat penghijrah Melayu dari Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang ke Kerian. Penghijrahan masyarakat Melayu Kedah ke Kerian dalam jumlah yang ramai buat pertama kalinya berlaku pada tahun 1816 apabila Kedah diarahkan oleh pihak Siam untuk menyerang Perak. Hal ini disebabkan keengganan Perak menyerahkan bunga emas dan perak kepada pihak Siam. Namun, satu sumber rasmi Kedah (Muhammad Hassan 1968) memberikan suatu perspektif baharu akan motif sebenar serangan Kedah ke atas Perak dilancarkan pada tahun tersebut.

KERIAN: PERTELINGKAHAN SEMPADAN (KEDAH DAN PERAK)

Pertelingkahan sempadan antara Kedah dan Perak dicatatkan dengan jelas dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (Muhammad Hassan 1968) yang menjelaskan pergaduhan yang berlaku sehingga membabitkan tindakan ketenteraan antara

Kedah dengan Perak ekoran perselisihan antara kedua-duanya berkenaan sempadan di Ulu Selama (barangkali merujuk kepada Kerian). Dikatakan, Raja Bendahara iaitu pembesar Kedah pada peringkat awalnya ingin menyelesaikan pergaduhan berkaitan sempadan secara aman iaitu melalui rundingan. Namun, Perak tidak langsung memberi maklum balas akan kesediaannya menyelesaikan isu itu secara rundingan. Oleh kerana keengganan Perak menyelesaikan isu sempadan secara rundingan, maka Raja Bendahara memohon kebenaran Sultan Kedah untuk melancarkan serangan ke atas Perak sehingga Perak akhirnya berjaya ditakluki oleh Kedah (Muhammad Hassan 1968, 143–144). Maka, serangan pun dilancarkan ke atas Perak iaitu pada tahun 1232 Hijrah bersamaan 1816 Masihi. Peristiwa serangan ke atas Perak oleh Kedah juga disusun secara berturutan dengan peristiwa kejatuhan Kedah kepada Siam dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Namun, tarikh Kedah ditakluk Siam tidak pula dinyatakan dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Berdasarkan kepada *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kedah sebenarnya mempunyai tujuan yang tersendiri dalam melancarkan serangan ke atas Perak. Bahkan, sumber ini juga tidak menyebut langsung bahawa Kedah diarahkan oleh Siam menyerang Perak.

Isu pertikaian sempadan yang melibatkan Kerian antara Kedah dan Perak juga muncul semula selepas peristiwa penaklukan Siam ke atas Kedah berakhir pada tahun 1842. Buktinya pada tahun 1843, iaitu sebaik sahaja kesultanan Kedah dipulihkan di Kedah dan Sultan Ahmad Tajuddin pula dikembalikan semula kedudukannya sebagai Sultan Kedah, baginda telah bertindak agresif dengan menyerang Kerian dan menawan daerah tersebut. Hal ini kerana baginda mendakwa bahawa Kerian merupakan sebahagian daripada milik Kesultanan Kedah (Mahani 1991, 41). Namun, jika dakwaan Sultan Ahmad Tajuddin benar, hal tersebut agak mengelirukan berdasarkan kepada situasi penghijrahan masyarakat Melayu Kedah semasa penaklukan Siam ke atas Kedah. Misalnya, semasa penaklukan politik Kedah oleh Siam pada tahun 1821 sehingga 1842, daerah di utara Perak turut menjadi pilihan rakyat Kedah untuk melarikan diri daripada kekejaman Siam selain dari Seberang Perai dan Pulau Pinang. Justeru, seandainya daerah Kerian adalah milik Kedah atau sebahagian daripada Kedah seperti yang didakwa oleh Kedah, adalah mustahil wilayah di utara Perak tersebut dijadikan kawasan pilihan untuk pelarian Kedah melarikan diri daripada cengkaman pemerintahan Siam kerana dengan penguasaan Siam ke atas Kedah, bermakna Siam juga berkuasa ke atas Kerian.

Namun, peristiwa demi peristiwa yang melibatkan pertikaian sempadan antara Kedah dengan Perak berkenaan Kerian sehingga membabitkan tindakan ketenteraan ini menonjolkan bahawa Kerian bukanlah suatu daerah yang asing kepada masyarakat Melayu Kedah. Masyarakat Melayu Kedah sekurang-kurangnya sejak tahun 1816 lagi telah pun berhijrah masuk ke Kerian atas faktor politik. Penghijrahan tersebut tidak terhenti setakat itu sahaja. Sebaliknya

penghijrahan ke Kerian oleh masyarakat Melayu Kedah atas faktor politik ini berterusan berlaku selepas penaklukan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821 dan semasa Kedah menakluk Kerian pada tahun 1843 iaitu setahun selepas Kedah memperoleh semula kedaulatannya dari Siam. Kemudian, lebih sedekad sebelum berlakunya penjajahan British ke atas Perak, faktor ekonomi pula merupakan faktor penting yang mendorong masyarakat terus berhijrah masuk ke Kerian.

FASA PERTAMA PENGHIJRAHAHAN MASUK MELAYU KEDAH KE KERIAN, (1816–1860)

Daerah Larut (termasuk Kerian) mula menjadi perhatian penghijrah Melayu bermula pada awal kurun ke-19. Wilkinson melihat situasi ini merupakan kesan daripada kemunculan dan perkembangan Seberang Perai yang berada di bawah kekuasaan British sebagai faktor utama yang mendorong kepada berlakunya penghijrahan tersebut dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan daerah Larut. Hal ini menurut beliau lagi amat berkaitan dengan kedudukan daerah Larut yang terletak bersebelahan dengan wilayah yang berada di bawah kekuasaan British tersebut (Wilkinson 1971, 89).

Sememangnya tidak dinafikan bahawa perkembangan dan pertumbuhan populasi penduduk di daerah Larut termasuk kawasan pinggirnya (terutamanya Kerian) pada awal kurun ke-19 disumbangkan oleh kedudukan daerah ini yang berjiran dengan Seberang Perai dan Pulau Pinang. Namun, penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang ke daerah ini bukanlah semata-mata dipengaruhi oleh kedudukannya yang berjiran dengan wilayah yang berada di bawah kekuasaan British tersebut. Situasi politik di negeri Melayu yang terlibat, iaitu Kedah yang terletak berhampiran dengan daerah Larut dan sub-daerahnya termasuklah Kerian khususnya tidak seharusnya diabaikan sama sekali dalam membincangkan penghijrahan masyarakat Melayu dari Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang ke daerah Larut. Misalnya apabila Kedah telah diarahkan oleh Siam yang menaunginya untuk menyerang Perak pada tahun 1816, Kedah telah menjadikan Kerian sebagai markas untuk menempatkan tentera-tentera Kedah bagi menyerang Perak atas arahan Siam. Masyarakat Melayu yang tinggal di Seberang Perai juga turut datang kemudiannya bagi membantu serangan ke atas Perak. Kedah melancarkan serangannya ke atas Perak melalui Kerian yang dijadikan sebagai markas ketenteraan. Perak akhirnya berjaya ditakluki pada tahun 1818.⁴ Hal ini menunjukkan bahawa Kerian dijadikan markas ketenteraan Kedah untuk tempoh yang agak panjang iaitu selama lebih kurang dua tahun.

Faktor politik merupakan penggerak utama kepada penghijrahan Melayu Kedah dan semakin menonjol apabila Kedah ditakluki Siam pada tahun 1821. Kedah yang pada waktu itu masih lagi lemah ekoran usahanya


menakluk Perak dengan mudahnya ditakluki oleh Siam (Newbold 1971, 7).⁵ Sebenarnya, penaklukan Siam ke atas Kedah dikatakan turut berpunca daripada ketidakpuasan hati Siam ke atas Kedah. Hal ini kerana tindakan Kedah yang menyerahkan Pulau Pinang dan Seberang Perai kepada pentadbiran British. Siam tidak mengiktiraf penyerahan kedua-dua wilayah milik Kedah itu kepada British. Lebih memburukkan keadaan, syarat-syarat yang termaktub dalam perjanjian penyerahan yang menuntut supaya Kedah dilindungi daripada sebarang serangan musuh turut menambah kemarahan Siam. Hal inilah yang menyebabkan Siam menyerang dan menakluk Kedah kemudiannya (Anderson 1965, 16).

Peristiwa ini merupakan suatu malapetaka yang menggugat sepenuhnya kemakmuran yang dinikmati Kedah. Sebagai tindak balas kepada peristiwa tersebut, penghijrahan merupakan salah satu cara bagi menyatakan penentangan ataupun ketidakpuasan hati terhadap peristiwa besar yang mengubah sepenuhnya kehidupan masyarakat Melayu Kedah. Kesannya, Kedah mengalami kemerosoton yang sangat signifikan dalam jumlah populasi penduduknya yang kini menjadi pelarian. Sebelum penaklukan Siam iaitu pada tahun 1784, jumlah populasi penduduk Kedah dikatakan berjumlah 100,000 orang (Newbold 1971, 21). Maka, jumlah populasi Kedah sudah tentu adalah jauh lebih besar menjelang tahun berlakunya penaklukan oleh Siam ke atas Kedah. Namun, selepas penaklukan Siam, jumlah penduduk Kedah adalah sekitar 50,000 orang sahaja. Jumlah ini terus berkurangan dan sehingga tahun 1850, jumlah penduduk Kedah adalah sekitar 11,300 orang sahaja sekalipun penaklukan Siam telah lama berakhir (Mahani 1991, 19–20).

Sepanjang tempoh penaklukan Kedah oleh Siam, perkara yang sangat menyedihkan adalah sesiapa sahaja yang disyaki atau ditangkap atas percubaan melarikan diri dari Kedah akan disiksa dan dibunuh dengan kejam (Anderson 1965, 8). Namun, segala tindakan dan kekejaman Siam terhadap Melayu Kedah yang disyaki atau ditangkap semasa ingin melarikan diri dari Kedah sama sekali tidak pernah mematahkan semangat Melayu Kedah untuk menyusup keluar dari Kedah. Peningkatan berterusan yang sangat signifikan dalam jumlah penduduk Seberang Perai sepanjang tempoh penaklukan Siam ke atas Kedah membuktikan bahawa Melayu Kedah sanggup mengambil sebarang risiko untuk keluar dari Kedah yang berada di bawah pentadbiran Siam (lihat Rajah 2). Selain daripada statistik tersebut, rekod bertulis daripada British sendiri telah mengesahkan lagi bahawa berlakunya penghijrahan beramai-ramai Melayu Kedah yang kini menjadi pelarian dan menetap di Seberang Perai ekoran penaklukan oleh Siam. Misalnya pada tahun 1825, seramai 50 orang rakyat Pulau yang juga merupakan sebahagian daripada Melayu Kedah dilaporkan berada dan menjadi pelarian di Seberang Perai. Dipercayai juga, sekurang-kurangnya 200 orang lagi tiba di Seberang Perai kemudiannya (Burney 1971, 41). Hal ini ekoran daripada tindakan pentadbir Siam di Kedah yang telah menghantar pegawainya ke Pulau untuk mengumpulkan

seramai 200 orang rakyat Pulau untuk ditempatkan di Perak.⁶ Justeru, Melayu Kedah telah menyusup keluar dari Kedah untuk mengelak daripada dibawa pergi secara paksa oleh pihak berkuasa di bawah kekuasaan Raja Ligor. Seterusnya pada Januari 1828, terdapat 1,200 sehingga 1,300 orang Melayu Kedah di Perlis termasuk Setul yang menyusup keluar dari Kedah dan tiba di Pulau Pinang dan Seberang Perai (Burney 1971, 93).

Dalam usaha Melayu Kedah melarikan diri daripada kekejaman dan penindasan berterusan Siam, negeri-negeri di Selatan Kedah terutama yang berjiran dengannya menjadi pilihan utama kepada Melayu Kedah sama ada untuk mendapatkan perlindungan ataupun untuk dijadikan petempatan baharu mereka. Selain dari Pulau Pinang dan Seberang Perai, daerah di Perak juga iaitu Kerian dan Beruas turut menjadi pilihan Melayu Kedah untuk dijadikan petempatan mereka (Mahani 2012, 76).⁷ Di Seberang Perai contohnya, telah berlaku pertumbuhan populasi penduduk yang sangat signifikan dan meningkat secara berterusan seiring dengan peristiwa besar yang melanda Kedah. Hal ini dapat diperhatikan daripada bilangan populasi penduduk seperti dalam Rajah 2.




Rajah 2: Bilangan populasi penduduk Melayu di Seberang Perai, 1786–1860.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Braddell (1861).

Berdasarkan pola yang ditunjukkan dalam Rajah 2, bilangan populasi penduduk di Seberang Perai meningkat secara mendadak dan berterusan antara tahun 1820 hingga tahun 1833 iaitu seiring dengan penaklukan Siam ke atas Kedah. Dari segi jumlah pula, populasi penduduk Melayu di Seberang Perai meningkat dalam jumlah angka dan peratus yang besar iaitu berjumlah 38,352 orang atau 1,144.8% untuk tahun 1833 berbanding tahun 1820 (lihat Rajah 2). Oleh kerana peningkatan mendadak dan luar biasa tersebut seiring dengan tempoh penaklukan Siam ke atas Kedah, maka peningkatan ini jelas sekali disumbangkan oleh penghijrahan

beramai-ramai Melayu Kedah ke Seberang Perai dan bukannya disebabkan oleh peningkatan semula jadi mahupun kemasukan penghijrah biasa. Hal ini juga turut dikukuhkan lagi dengan kewujudan kampung-kampung Kedah di Seberang Perai (Anderson 1965, 15; Mahani 2010, 42).

Selain dari Seberang Perai, Pulau Pinang turut menerima kehadiran penghijrah dari Kedah sepanjang berlakunya penaklukan Siam ke atas Kedah (tahun 1821–1841) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Bilangan populasi penduduk Melayu di Pulau Pinang, 1786–1860.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Braddell (1861).

Berdasarkan Rajah 3, pola graf garis yang ditunjukkan bagi mewakili bilangan populasi penduduk di Pulau Pinang di antara tahun 1786 sehingga tahun 1842 menunjukkan peningkatan mendadak dan berterusan. Namun, jumlah peningkatan bilangan populasi penduduk di Pulau Pinang pada tahun 1842 berbanding tahun 1820 adalah lebih tinggi berbanding peningkatan bilangan populasi penduduk untuk tahun 1820 berbanding tahun 1786. Jumlah peningkatan bilangan populasi penduduk untuk tahun 1842 berbanding 1820 adalah berjumlah 9,761 orang iaitu dalam masa 22 tahun sahaja. Manakala jumlah peningkatan bilangan populasi penduduk untuk tahun 1820 berbanding 1786 pula berjumlah 8,581 orang iaitu untuk tempoh masa selama 34 tahun (lihat Rajah 3). Maka, penaklukan Siam oleh Kedah telah membantu meningkatkan bilangan populasi penduduk di Pulau Pinang dalam masa yang jauh lebih singkat.

Perak pula umumnya serta utara Perak (Larut, Selama, Kerian dan Matang) khususnya tidak mempunyai data yang lengkap berkenaan pertambahan populasi penduduknya sepanjang peristiwa penaklukan Siam ke atas Kedah. Namun, tidak bermakna daerah di utara Perak ini tidak menerima jumlah penghijrah Kedah

dalam jumlah yang signifikan. Penghijrahan masyarakat Melayu Kedah ekoran peristiwa penaklukan Siam ke atas Kedah dapat dilihat dengan kemunculan beberapa petempatan Melayu di kawasan utara Perak yang latar kewujudan atau perkembangannya adalah seiring dengan situasi politik yang melanda Kedah. Kemasukan rakyat Kedah ke Perak yang semakin signifikan bermula dengan proses penaklukan Perak oleh Kedah (1816–1818) dan kemudiannya penaklukan Kedah oleh Siam (1821–1843) dapat dilihat dengan kemunculan dan kewujudan kampung-kampung di Pondok Tanjung dan Kurau yang seiring dengan situasi politik yang melanda Kedah itu.⁸ Selain daripada kemunculan kampung-kampung Melayu tersebut, kampung-kampung sedia ada juga turut berkembang. Hal ini ekoran berlakunya pertambahan dalam populasi penduduk kesan daripada penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Kedah sepanjang tempoh tersebut. Selain daripada kewujudan kampung-kampung baharu di Pondok Tanjung dan Kurau, “Kampung Kedah” juga wujud di Beruas dan Kerian. Bahkan, majoriti penduduk di Kerian, Larut dan juga Matang merupakan Melayu Kedah (Winstedt 1948, 86).

Data statistik yang diperoleh daripada *The Burney Papers* juga membuktikan kewujudan penghijrahan masyarakat Melayu Kedah ke Perak. Misalnya, sehingga 28 Mac 1826 sahaja iaitu dalam tempoh lima tahun selepas penaklukan Siam ke atas Kedah, sekurang-kurangnya seramai 20,000 orang Melayu Kedah telah berhijrah keluar dari Kedah (Burney 1971, 246). Sekiranya diteliti data statistik pertumbuhan populasi penduduk Melayu di Seberang Perai pada tahun 1827, didapati jumlah penduduk Melayunya adalah seramai 17,805 orang berbanding seramai 3,350 orang pada tahun 1820 (lihat Rajah 2). Bermakna berlaku peningkatan seramai 14,455 orang penduduk dalam tempoh masa tersebut. Manakala pertambahan penduduk Melayu di Pulau Pinang berjumlah 3,262 orang sahaja sepanjang tempoh di antara tahun 1820 hingga 1830 (lihat Rajah 3). Jumlah pertambahan penduduk di Seberang Perai dan Pulau Pinang berjumlah 17,717 orang. Hal ini bermaksud, hanya 88.6% daripada pelarian Kedah pada tahun 1826 memilih untuk berhijrah ke Seberang Perai dan Pulau Pinang. Manakala selebihnya pula iaitu sebanyak 2,283 orang atau 11.4% lagi rakyat Kedah telah memilih untuk berhijrah ke kawasan lain selain daripada Seberang Perai dan Pulau Pinang. Maka dapat disimpulkan bahawa selain Seberang Perai yang menjadi tumpuan Melayu Kedah, kawasan lain yang berdekatan dengan Kedah juga turut menjadi pilihan kepada pelarian Melayu dari Kedah. Maka, kedudukan Perak umumnya dan Kerian khususnya serta kawasan lain di utara Perak yang berdekatan dengan Kedah sudah tentu turut menjadi pilihan para pelarian Kedah selain dari Seberang Perai dan Pulau Pinang yang berada di bawah pentadbiran British. Jumlah penghijrah Melayu Kedah di daerah lain di utara Perak umumnya dan Kerian khususnya sudah tentu terus meningkat memandangkan tempoh penaklukan Siam hanya berakhir pada tahun 1843.

Sebelum Kedah dipulangkan kembali secara rasmi kepada Kesultanan Kedah pada tahun 1843, peperangan demi peperangan terus berlaku di Kedah.⁹ Terdapat sekurang-kurangnya tiga siri peperangan penting antara Kesultanan Melayu Kedah dengan Siam Kedah sepanjang tempoh penaklukan Siam di Kedah (Muhammad Hassan To' Kerani 1968, 148–150, 157; Mahani 1991, 23–40). Kesultanan Melayu Kedah dilihat tidak pernah berputus asa merampas semula Kedah daripada cengkaman Siam. Keadaan ini sudah tentu menimbulkan suasana yang tidak aman di Kedah dan turut menjadi antara penyebab utama kepada penghijrahan beramai-ramai dan berterusan Melayu Kedah keluar dari Kedah selain daripada kekejaman dan penindasan Siam. Selain daripada faktor penolak tersebut, suasana yang lebih aman dan selamat di penempatan baharu sudah tentu menjadi faktor penarik kepada penghijrahan keluar Melayu Kedah pada dekad-dekad penaklukan Siam di Kedah.

Namun, di sebalik faktor politik Kedah iaitu Perang Kedah-Siam sebagai faktor utama yang mendorong kepada berlakunya penghijrahan keluar Melayu Kedah dan penyebarannya di negeri-negeri yang berjiran dengannya seperti Seberang Perai, Pulau Pinang dan di utara Perak (Kerian dan beberapa kawasan di daerah Larut), terdapat pertimbangan penting yang mempengaruhi pemilihan kawasan tersebut sebagai tumpuan utama Melayu Kedah untuk berhijrah keluar dari Kedah sepanjang tempoh berlakunya perang tersebut. Pertapakan British melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) di Pulau Pinang menyaksikan bahawa dominasi Siam dan dasar agresifnya ke atas negeri-negeri utara Semenanjung Tanah Melayu terutama dalam tempoh separuh pertama kurun ke-19 sekurang-kurangnya dapat dihentikan. Walaupun pertapakan British dan pengisytiharan Perjanjian Burney dilihat tidak memihak kepada Kedah, pengisytiharan ini sebenarnya mampu memastikan kedaulatan dan kemerdekaan serta keselamatan negeri-negeri selain Kedah yang terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kepada Artikel 14 Perjanjian Burney yang menyatakan:

The Siamese and English mutually engage, that the Rajah of Perak shall govern his Country according to his own will. Should he desire to send the Gold and Silver Flowers to Siam as herefore, The English will not prevent his doing as he may desire. If Chao Phya of Ligor desire to send down to Perak, with friendly intention Forty or Fifty men wheter Siamese, Chinese or other Asiatic subjects to Siam, or if the rajah of Perak desire to send any of his Ministers or Officers to seek Chao Phya of Ligor, English shall not forbid them. The Siamese or English shall not send any force to go and molest, attack or disturb Perak. The English will not allow the States of Salangore to attack or disturb Perak and the Siamese shall not and attack or disturb Salangore. (Burney 1971, 382)

Berdasarkan kepada perjanjian tersebut, selain dari Pulau Pinang dan Seberang Perai yang sememangnya berada di bawah pentadbiran SHTI, Perak juga selamat daripada ancaman luaran terutamanya dari Siam dan juga Selangor yang sentiasa menggugat kedaulatan dan kemerdekaannya. Bahkan Perak juga mempunyai pilihan sama ada mahu terus menghantar bunga emas dan perak kepada Siam atau sebaliknya. Justeru, selain daripada kedudukan Pulau Pinang dan Seberang Perai yang berada di bawah pentadbiran SHTI, Perak juga merupakan sebuah negeri yang merdeka dan bebas daripada cengkaman Siam dan selamat untuk dijadikan petempatan baharu bagi penghijrah-penghijrah dari Kedah yang kini hidup sebagai pelarian. Dalam hal ini, sudah tentu kawasan utara Perak terutamanya Kerian yang berada di bawah jajahan Perak lebih menjadi tumpuan penghijrah kerana kedudukannya yang bukan sahaja berdekatan dengan Kedah, tetapi juga berdekatan dengan jajahan British iaitu Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Faktor politik yang menjadi faktor penyebab kepada penghijrahan Melayu Kedah ke daerah Kerian Perak tidak berakhir dengan pemulihan Kesultanan Melayu Kedah di Kedah pada tahun 1843. Hal ini disebabkan pada tahun yang sama juga iaitu setelah memperoleh semula kedudukannya di Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin telah menyerang dan menawan semula Kerian. Ekoran penaklukan tersebut, sekali lagi berlaku kemasukan masyarakat Melayu Kedah ke Kerian. Bahkan, penaklukan ke atas Kerian juga hanya berakhir lima tahun kemudian apabila Kerian diserahkan kembali kepada Perak pada tahun 1848 (Mahani 1991, 41). Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu Kedah berada di daerah Kerian sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun sebaik sahaja penaklukan Siam berakhir di Kedah ekoran penaklukan Kedah ke atas Kerian.

Maka, jelaslah bahawa situasi politik berterusan menjadi faktor utama kepada penghijrahan masyarakat Melayu Kedah sama ada secara langsung dari Kedah, ataupun dari Seberang Perai ke daerah Kerian untuk tempoh separuh masa pertama kurun ke-19. Tempoh masa yang agak panjang berada di Kerian menyebabkan ada dalam kalangan Melayu Kedah ataupun Melayu Seberang Perai (yang juga berketurunan Kedah) mengambil keputusan menetap di Kerian. Maka, situasi politik Kedah merupakan antara faktor utama yang mendorong kepada berlakunya kemasukan penghijrah masyarakat Melayu Kedah pada peringkat awal dan akhirnya mendorong pula sesetengah daripada Melayu dari Kedah untuk terus menetap khususnya di Kerian dan daerah lain di utara Perak kemudiannya.

FASA KEDUA PENGHIJRAHAN MASYARAKAT MELAYU KE KERIAN, (1861–1873)

Suasana aman dan bebas perang sebenarnya tidak menghentikan penghijrahan masuk masyarakat Melayu Kedah ke Kerian. Hal ini disebabkan faktor politik yang menjadi penggerak utama kepada berlakunya penghijrahan tersebut telah beralih kepada faktor ekonomi terutama bagi masyarakat Melayu Kedah yang kini berada di Seberang Perai dan Pulau Pinang. Perkembangan pesat pertanian di Seberang Perai dan Pulau Pinang telah mengurangkan tanah yang subur dan sesuai untuk pertanian khususnya aktiviti penanaman padi.¹⁰ Perkembangan ini telah mendorong masyarakat Melayu Seberang Perai dan Pulau Pinang beralih ke kawasan baharu yang sesuai untuk aktiviti penanaman padi. Dalam hal ini, Kerian merupakan satu pilihan yang tepat dan terbaik kerana Kerian terletak di muara sungai di barat laut Perak itu berhampiran dengan Seberang Perai dan Pulau Pinang. Tambahan pula, Kerian mempunyai bentuk muka bumi yang baik dan tanahnya juga subur untuk aktiviti penanaman padi. Maka, tidak hairanlah daerah yang terletak di utara Perak ini menjadi pilihan utama masyarakat Melayu Seberang Perai dan Pulau Pinang meneruskan kelangsungan ekonomi mereka.

Tambahan pula, Kerian bukanlah sebuah daerah yang asing kepada masyarakat Melayu Kedah yang menetap di wilayah naungan British itu mahupun yang menetap di Kedah sendiri. Hal ini disebabkan masyarakat Melayu Kedah telah lama berhijrah ke Kerian sama ada semasa Kedah ingin menakluk Perak mahupun semasa Kedah ditakluk Siam. Maka, wujud satu ikatan kekeluargaan antara masyarakat Melayu Kedah yang telah menetap di Kerian ekoran peristiwa politik itu dengan masyarakat Melayu Kedah yang menetap di Seberang Perai, Pulau Pinang dan Kedah sendiri. Maka, tidak hairanlah para petani Melayu yang berada di Seberang Perai dan Pulau Pinang berhijrah ke Kerian bagi meneruskan kegiatan pertanian mereka ekoran perkembangan pesat Pulau Pinang dan Seberang Perai sebagai sebuah kawasan pertanian.

Selain daripada penanam padi berbangsa Melayu, kesuburan dan kesesuaian tanah bagi aktiviti pertanian di wilayah utara Perak yang bersebelahan dengan wilayah kekuasaan pihak syarikat ini turut disedari dan diakui oleh pihak syarikat. Minat pihak syarikat terhadap kawasan ini untuk dikembangkan sebagai kawasan pertanian komersial terutamanya tebu adalah sangat jelas apabila Braddell meramalkan bahawa pertanian komersial (tebu) dengan mudahnya mampu dikembangkan ke wilayah Perak pada bila-bila masa tanpa sebarang halangan daripada pembesar tempatan di negeri tersebut (Braddell 1861, 15). Hal ini membuktikan bahawa perkembangan pesat penanaman komersial pada separuh pertama dan suku ketiga kurun ke-19 turut meningkatkan minat pihak kapitalis yang berada di Negeri-Negeri Selat ke atas negeri-negeri Melayu yang berjiran dengan Negeri-Negeri Selat.

Namun, sekiranya Braddell meramalkan tanaman komersial khususnya tebu mampu dikembangkan ke wilayah Perak, William Thomas Lewis yang merupakan pegawai kerajaan British pula nampaknya lebih berminat untuk mengkomersialkan tanaman padi. Namun, beliau juga turut berminat untuk mengkomersialkan tanaman lain. Dalam mencapai cita-citanya itu, Lewis berusaha memujuk Sultan Jaafar yang merupakan Sultan Perak pada masa tersebut supaya membenarkan beliau memajukan kawasan pertanian di sebuah kawasan di Kerian. Hasrat Lewis hampir tercapai apabila Sultan Jaafar telah bersetuju menyerahkan konsesi pajakan tanah di Kerian kepada beliau pada tahun 1861. Lewis hanya dikehendaki untuk membayar sewa sebanyak \$5,000 setahun kepada Sultan Jaafar di atas kebenaran yang diberikan untuk mengusahakan tanah di Kerian itu (Khoo 1972, 91).

Walau bagaimanapun, percubaan pertama Lewis untuk menceburi bidang pertanian komersial gagal apabila Sultan Jaafar terpaksa membatalkan penyerahan tersebut kerana terpaksa tunduk kepada saranan Orang-Orang Besar Perak bagi menyelamatkan kedudukan politiknya (Khoo 1972, 127–128). Walaupun penyerahan konsesi tersebut akhirnya dibatalkan dan usaha Lewis untuk mengkomersialkan tanaman padi dan tanaman komersial di Kerian tidak kesampaian, namun, catatan Lewis semasa beliau di Kerian membuktikan dua perkara penting dan utama. Misalnya beliau menyatakan:

In the 20 days I remained at Kreean 654 families none of which took less than 5 orlongs of Paddy Land were registered by me and more have been daily coming in, so that for the ensuing Paddy season of 1861/62 it may be fairly estimated that the number will exceed 1000 families. The good effect of such cultivation may be shown as not only being a gain to me but greater to the cultivators and to the public in general. (Khoo 1972, 91)

Berdasarkan catatan Lewis, perkara pertama menjelaskan bahawa sudah wujud masyarakat Melayu yang mengusahakan penanaman padi di daerah ini sejak tahun 1861 lagi. Terdapat 654 keluarga telah mendaftar permohonan tanah diusahakan dengan tanaman padi tidak sampai tempoh 20 hari sahaja Lewis berada di Kerian. Jumlah pendaftaran bagi setiap keluarga adalah tidak kurang daripada lima relong.¹¹ Maka, situasi itu jelas membuktikan bahawa sememangnya terdapat petani yang mengusahakan tanah untuk tanaman padi di kawasan tersebut. Para petani ini sudah tentu turut terdiri daripada masyarakat Melayu Kedah yang telah pun berhijrah ke daerah ini sekurang-kurangnya sejak tahun 1816 lagi. Perkara kedua penting dalam catatan Lewis menyatakan beliau sangat yakin bahawa jumlah keluarga petani padi yang mendaftar tanah di Kerian akan meningkat kepada sekurang-kurangnya 1,000 keluarga apabila tibanya musim penanaman padi. Maksudnya, akan berlaku gelombang penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian pada setiap kali tibanya

musim penanaman padi. Nampaknya, penghijrahan masyarakat Melayu Kedah ke Kerian atas faktor ekonomi selewat-lewatnya berlaku sejak tahun 1861 berdasarkan kepada catatan Lewis ini.

Wujudnya gelombang penghijrah Melayu dari Seberang Perai dan Pulau Pinang ke Kerian pada setiap kali tibanya musim penanaman padi ini juga dikukuhkan lagi oleh catatan W.E. Maxwell. Catatan Maxwell jelas menonjolkan peranan yang dimainkan oleh penghijrah dari kedua-dua wilayah tersebut dalam kegiatan penanaman padi di Kerian. Buktinya, beliau menyatakan:

Before 1874, the coast district lying between the Krian river and Pasir Gedabu was regarded as a personal estate of the reigning Sultan. It contains an extensive area of very fertile paddy-land, cultivated chiefly by Malays of Penang and Province Wellesley, ..., giving across to Krian during padi season and removing their grain, when harvested, to their homes by the sea. (Maxwell 1884, 98)

Berdasarkan kepada catatan Maxwell ini, dapat dilihat bahawa penghijrah Melayu tidak tinggal secara tetap. Sebaliknya mereka hanya tinggal sementara di Kerian bagi mengusahakan penanaman padi. Apabila hasil padi dituai, mereka akan kembali semula ke petempatan asal mereka bersama-sama dengan hasil tuaian.

Petikan daripada *Penang Gazette* juga turut menyentuh berkenaan penghijrahan sementara masyarakat Melayu dari Seberang Perai dan Pulau Pinang. Hal ini berdasarkan petikan daripada *Penang Gazette* pada tahun 1860 yang menyatakan:

The broad alluvial tracts lying along the seaboard are noted for fertility, ... numbers proceed every year from Penang and Province Wellesley to Krian, Bagan Tiang and Kurow ... during the paddy season, to plant and reap a crop, returning to their homes as soon as they gathered it. The head of each family pays to the Chief a poll tax or permit fee of one dollar. This entitles him to plant as much land as he can, and for it he pays a rent of a dollar and a half an orlong. Thirty years ago Bagan Tiang was uninhabited, and only known as one of the spots on this coast to which the Malay pirates repaired on their expeditions, to enjoy themselves. It has now a fixed population of about 200, which is increased by some hundreds in the rice months. During the season now closing from seven to eight hundred Malays resorted from our territory to Bagan Tiang to take a crop.... (dipetik daripada Khoo 1972, 85)

Jika diteliti petikan daripada *Penang Gazette* ini juga, angka yang diberikan tersebut iaitu berkaitan dengan jumlah populasi penduduk yang menetap mahupun populasi penduduk yang datang kemudiannya (penghijrah sementara) semasa musim penanaman padi itu adalah terhad bagi Bagan Tiang sahaja. Justeru,

jumlah populasi menetap mahupun penghijrah sementara yang tiba semasa musim penanaman padi di daerah Kerian secara keseluruhannya adalah jauh lebih besar.¹²

Manakala sumbangan penghijrah masyarakat Melayu dari Seberang Perai, Pulau Pinang dan Kedah ini dalam penanaman padi dapat dilihat daripada catatan W.E. Maxwell yang menyatakan, “The only purely Malay province in which I have personally seen the tenth of the grain collected by a native Government is the Krian province in Perak” (Maxwell 1884, 97–98). Catatan Maxwell ini mengukuhkan kedudukan Kerian sebagai daerah penanaman padi yang penting ekoran penghijrahan secara sementara masyarakat Melayu Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang ke Kerian. Catatan Maxwell ini menyatakan di Perak, hanya di Kerian sahaja kutipan cukai sebanyak satu per sepuluh ke atas hasil pertanian ini dikenakan ke atas penduduk. Selain daripada kutipan cukai satu per sepuluh ke atas padi, para petani padi juga dikehendaki membayar cukai kepala ataupun bayaran permit berjumlah satu dolar yang membolehkannya mengusahakan sebanyak mana tanah yang mampu diusahakannya (lihat petikan *Penang Gazette* 1860 di atas). Satu lagi keistimewaan yang diperolehi oleh masyarakat Melayu di Kerian yang membuktikan majoriti daripada golongan masyarakat Melayu di Kerian adalah golongan penghijrah dari Seberang Perai dan Pulau Pinang ialah pengecualian daripada sistem “kerah” yang dinikmati mereka di Kerian. Penghijrah Melayu ke Kerian hanya dikenakan cukai ke atas hasil tanaman dan cukai kepala (Sadka 1968, 385–386).

Petikan daripada catatan pentadbir kolonial dan laporan akhbar ini bukan sahaja menonjolkan aspek penghijrahan Melayu di wilayah-wilayah yang berkenaan untuk tempoh masa suku ketiga kurun ke-19, tetapi juga turut membuktikan peranan yang dimainkan oleh penghijrah dari Seberang Perai dan Pulau Pinang serta Kedah dalam penanaman padi di Kerian. Aspek penghijrahan masyarakat Melayu dari Seberang Perai dan Pulau Pinang untuk tempoh masa suku ketiga kurun ke-19 ini jelas sekali bersifat sementara (berulang-alik) kerana mereka hanya tiba dan tinggal di Kerian pada setiap kali musim penanaman padi sahaja. Selepas tempoh itu, mereka akan kembali semula ke petempatan asal mereka di Seberang Perai dan Pulau Pinang.

KESIMPULAN

Tuntasnya, penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian sebelum penjajahan British terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama berlaku pada tahun 1816–1860 akibat daripada faktor politik negeri Kedah sendiri. Bagi fasa pertama ini, berlaku dua gelombang penghijrahan masyarakat Melayu Kedah ke Kerian. Gelombang pertama penghijrahan tersebut berlaku pada tahun 1816–1818 apabila Kedah telah diarahkan Siam untuk menakluk Perak. Pada fasa pertama inilah buat pertama

kalinya berlaku kemasukan masyarakat Kedah sama ada yang berada di Kedah sendiri mahupun di Seberang Perai dan Pulau Pinang dalam jumlah yang besar ke Kerian. Gelombang kedua pula berlaku pada tahun 1821–1843 (22 tahun). Pada fasa kedua ini, masyarakat Melayu dari Kedah berhijrah ke Kerian bagi mencari perlindungan di petempatan baharu akibat kekejaman pentadbiran Siam dan melarikan diri daripada suasana tidak aman di Kedah ekoran peperangan demi peperangan yang berlaku antara Siam di Kedah dengan Kesultanan Kedah. Tempoh masa yang panjang berada di petempatan baharu menyebabkan semangat untuk kembali ke petempatan asal (Kedah) kebanyakan daripada penghijrah ini perlahan-lahan hilang dan akhirnya mereka menetap di petempatan baharu. Kesannya, penghijrahan yang bersifat sementara pada awalnya di petempatan baharu ini telah berubah kepada tinggal secara tetap.

Manakala fasa kedua pula berlaku pada suku ketiga kurun ke-19 iaitu selewat-lewatnya pada tahun 1860 sehingga menjelang berlakunya campur tangan British secara langsung di Perak pada tahun 1874 (1860–1873). Hal ini berdasarkan catatan-catatan pentadbir kolonial dan petikan akhbar daripada *Penang Gazette* dan situasi ekonomi yang berlaku di Seberang Perai dan Pulau Pinang bagi tempoh masa yang sama. Pada fasa kedua ini, penghijrahan berlaku disebabkan faktor ekonomi. Masalah kekurangan tanah di petempatan asal yang sesuai dan subur untuk aktiviti pertanian terutamanya aktiviti penanaman padi telah menyebabkan masyarakat Melayu dari Seberang Perai dan Pulau Pinang berhijrah ke Kerian. Namun, penghijrahan ini bukanlah bertujuan untuk tinggal secara tetap. Sebaliknya, penghijrahan ke Kerian ini berlaku secara sementara sahaja. Hal ini disebabkan oleh para penghijrah akan kembali semula ke petempatan asal mereka di Seberang Perai dan Pulau Pinang sebaik sahaja musim penanaman padi tamat dan hasil padi telah dituai. Para petani penghijrah ini hanya akan kembali ke Kerian apabila tibanya musim penanaman padi pada tahun berikutnya. Penghijrahan masyarakat Melayu Kedah yang berlaku di antara tahun 1816 hingga tahun 1873 ke Kerian telah mengubah sepenuhnya kedudukan Kerian daripada sebuah kawasan terpencil yang tidak berpenghuni pada dekad pertama kurun ke-19 kepada sebuah kawasan penanaman padi yang penting di Perak pada kurun yang sama. Maka, golongan penghijrah Melayu dari Seberang Perai, Pulau Pinang dan Kedah adalah golongan terawal yang membantu dalam membangun dan memajukan Kerian sebagai sebuah daerah pertanian yang penting kepada pentadbiran Perak sebelum penjajahan British di Perak pada tahun 1874.

NOTA

1. Aspek sosioekonomi, politik dan ketenteraan serta keperluan untuk menyara kehidupan merupakan penggerak utama kepada berlakunya penghijrahan (Hardy 2005, 1–2).
2. Hanya satu bab dari 14 bab dalam penulisannya membincangkan berkenaan penghijrah Melayu Jawa. Manakala bab selebihnya dalam penulisan ini adalah berkaitan dengan penghijrah asing Cina dan India. Lihat Jackson (1961).
3. Misalnya, Kuala Kangsar yang merupakan pusat pentadbiran Kesultanan Melayu Perak terletak berhampiran dengan Sungai Perak.
4. Sumber rasmi Kedah mencatatkan perkara berlainan berkenaan peristiwa penaklukan Siam ini (Muhammad Hassan 1968, 143–144). Bandingkan dengan Anderson (1965, 85–84) dan Mahani (1991, 160)
5. Memorandum Sultan Kedah kepada J. Pattullo, superintendan polis pada Febuari 1829 lebih kurang lapan tahun selepas penaklukan Siam ke atas Kedah menjelaskan bahawa Siam dengan mudahnya menakluki Kedah kerana Kedah pada waktu itu sedang menghadapi masalah kewangan akibat daripada penaklukan Kedah ke atas Perak. Hal ini diburukkan lagi dengan tindakan Siam melalui wakilnya Raja Ligor yang memaksa Kedah menyediakan beras dan padi untuk kegunaan tentera Siam yang sedang berperang dengan Cochin China tidak lama selepas penaklukan ke atas Perak oleh Kedah. Bahkan Sultan Kedah melihat kejayaan penaklukan Siam ke atas negerinya adalah kerana tipu daya dari pihak Siam sendiri dan tanpa sebarang kerelaan daripada pihak Kedah (Burney 1971, 112). Namun, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* mencatatkan bahawa rakyat Kedah sendiri iaitu Tengku Ya'akob merupakan dalang di sebalik kejayaan penaklukan Siam ke atas Kedah (Muhammad Hassan 1968, 144–145).
6. Risikan British mendapati tujuan di sebalik percubaan penempatan Melayu Kedah bagi pihak Siam di Perak ialah untuk membantu melancarkan serangan ke atas Selangor (Burney 1971, 41).
7. Mahani turut menghujahkan bahawa petempatan baharu rakyat Kedah ini wujud di kawasan tersebut bukan semata-mata akibat peristiwa pada tahun 1821. Sebaliknya, petempatan ini wujud sejak Kedah diarahkan oleh Siam untuk menakluk Perak lagi. Maka, hubungan sosial dan kekeluargaan dengan masyarakat di petempatan baharu ini merupakan faktor penting yang mempengaruhi pertimbangan Melayu Kedah untuk berhijrah beramai-ramai ke kawasan tersebut apabila Kedah ditakluki pada tahun 1821.
8. Kewujudan petempatan baharu ini lengkap dengan ketua kampung. Ketua kampung untuk Pondok Tanjung pada tahun 1828 ialah Che Man, manakala Tun Jana Pahlawan pula ialah ketua kampung Kurau (Wilkinson 1923, 89).
9. Kesultanan Kedah sentiasa berusaha merampas kembali Kedah daripada cengkaman Siam. Amaran British supaya Kesultanan Kedah tidak menyerang atau mengganggu pentadbiran Siam di Kedah sama sekali tidak pernah mematahkan semangat Kesultanan Kedah untuk berjuang mendapatkan kembali tanah airnya. Semangat perjuangan Kesultanan Kedah ini berjaya menghalau Siam dari Kedah pada tahun 1831 sebelum Siam mengambil alih semula Kedah pada tahun yang sama. Semangat

- Kesultanan Kedah dalam usahanya mendapatkan semula Kedah semakin terserlah melalui surat Sultan Kedah kepada S. Bonham, Gabenor Pulau Pinang yang bertarikh 3 April 1837. Dalam surat itu, Sultan Kedah tanpa berselindung menyatakan niatnya untuk terus berusaha mendapatkan semula Kedah daripada Siam dan tidak akan berhenti sehinggalah Siam berjaya dihalau keluar dari Kedah. Sultan Kedah juga meminta kompeni British di Pulau Pinang, Melaka dan juga Singapura tidak akan menghalang usahanya itu (Burney 1971, 402).
10. Di Seberang Perai misalnya, tanah yang sesuai untuk aktiviti penanaman padi iaitu tanah yang terletak di bahagian tengah dan selatan telah diubah suai untuk pertanian komersial (Mahani 2010, 60).
 11. Satu relong bersamaan dengan 0.71 ekar. Maka lima relong bersamaan dengan 3.55 ekar.
 12. Ekoran penghijrahan yang berterusan masyarakat penghijrah Melayu dari Seberang Perai, Pulau Pinang dan Kedah ke Kerian, penanaman padi semakin berkembang di Kerian. Bahkan, Ngah Ibrahim juga telah membina sebuah terusan untuk membantu mengairi kawasan penanaman padi di Kerian menjelang penjajahan British di Perak (Report of the Rice Cultivation Committee 1931, 18). Maka, pandangan Swettenham yang menyatakan bahawa Kerian menjelang pentadbiran British sebagai “a roadless jungle with a few padi fields and one or two isolated fishing village coast” adalah tidak benar sama sekali (Swettenham 1983, 42). Swettenham barangkali membuat pandangan itu dengan hanya melihat pesisir pantai dan muara sungai yang berdekatan dengan hutan paya yang tidak sesuai untuk aktiviti pertanian.

RUJUKAN

- Anderson, J. 1965. *Political and commercial considerations relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*. Singapore: Malaysia Printers Ltd.
- Braddell, T. 1861. *Statistics of the British possessions in the Straits of Malacca*. Penang: Penang Gazette Printing Office.
- Burney, H. 1971. *The Burney Papers*, Vol.1–4. India: India Office Library.
- Cowan, C.D. 1950. *Early Penang and the rise of Singapore, 1805–1832: Documents from the manuscript records of the East India Company (Vol. XXIII, Part 2)*. Singapore: Malaya Publishing House.
- _____. 1970. *Tanah Melayu kurun kesembilan-belas: Asal usul penguasaan politik British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dobby, E.H.G. 1982. *Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Federation of Malaysia. 1931. *Report of the rice cultivation committee*. Kuala Lumpur: Federation of Malaysia.
- Hardy, A. 2005. *Red hills: Migrants and the state in the Highlands of Vietnam*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Jackson, J.C. 1968. *Planters and speculators: Chinese and European agricultural enterprise in Malaya, 1786–1921*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Jackson, R.N. 1961. *Immigrant labour and development of Malaya, 1786–1920*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Khazin Mohd Tamrin. 1987. *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan penempatan, 1880–1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo, K.K. 1972. *The Western Malay states, 1850–1873: The effects of commercial development on Malay politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lewis, G.J. 1982. *Human migration: A geographical perspective*. London & Canberra: Croom Helm.
- Lim, T.G. 1976. *Origins of a colonial economy: Land and agriculture in Perak 1874–1897*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Low, J. 1850. An account of the origin and progress of the British Colonies in the Straits of Malacca. *JIAEA* IV: 360–379.
- Low, J. 1972. *A dissertation on the soil and agriculture*. Singapore: Oxford University Press.
- Mahani Musa. 1991. Pakatan sulit di negeri-negeri utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821–1930-an. MA diss., Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- _____. 2010. Sejarah awal Seberang Perai. In *Sejarah awal Pulau Pinang*, ed. Muhammad Haji Salleh, 40–61. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- _____. 2012. Adat, perundangan dan pengukuhan identiti kenegaraan Kedah prakolonial. In *Warisan wilayah utara Semenanjung Malaysia*, ed. K.G. Ooi, 54–86. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Maxwell, W.E. 1884. The law and customs of the Malays with reference to the tenure of land. *JSBRAS* 13: 75–220.
- Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd Arshad. 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newbold, T.J. 1971. *British Settlements in the Straits of Malacca*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sadka, E. 1968. *The protected Malay states, 1874–1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sinha, V.N.P. dan Md. Ataullah. 1987. *Migration: An interdisciplinary approach*. Delhi: Seema Publication.
- Swettenham, A.F. 1983. *About Perak*. Singapore: National University of Singapore.
- Tunku Shamsul Bahrin. 1967. The growth and distribution of the Indonesian population in Malaya. *Bijdragen Tot De Taal-, Land- En Volkenkunde* 123(2): 267–286. <https://doi.org/10.1163/22134379-90002906>
- Wang, G. 2011. Patterns in migration history revisited. In *Don't leave home: Migration and the Chinese*. Singapore: Times Academic Press.
- Wilkinson, R.J. 1923. *Papers on Malay subject, a history of the Peninsular Malays with chapters on Perak & Selangor*. Singapore: Kelly & Walsh Limited.
- _____. 1971. *Papers on Malay subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R.O. 1948. *Malaya and its history*. London: Hutchinson.
- Vlieland, C.A. 1934. The population of the Malay Peninsula: A study in human migration. *Geographical Review* 24(1): 61–78. Kuala Lumpur: The Federal Secretariat. <https://doi.org/10.2307/209494>